

04/02/1998

Wanita MCA anjur perhimpunan patriotik bersiri

WANITA MCA Kebangsaan akan menganjurkan perhimpunan patriotik bersiri sebagai tanda sokongan padu kepada kerajaan dalam menghadapi kegawatan ekonomi, mulai minggu pertama April, depan.

Timbalan Pengerusinya, Dr Tan Yee Kew berkata dijangka lebih 5,000 wanita MCA akan hadir pada setiap perhimpunan dengan lokasi pertamanya di Seremban, diikuti Triang, Pahang, Ipoh dan Selangor.

Katanya, perhimpunan itu digunakan sebagai landasan untuk menyebarkan amanat kerajaan kepada orang ramai mengenai amalan berjimat cermat, menabung dan beli barangan tempatan.

"Temanya ialah lebihkan simpanan, kurangkan perbelanjaan dan beli barangan tempatan," katanya, baru-baru ini.

Dr Tan berkata, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik adalah orang utama di belakang perhimpunan patriotik itu dan dijangka beberapa pemimpin tertinggi wanita MCA juga hadir pada setiap perhimpunan.

Menurutnya, Wanita MCA juga menyokong setiap usaha kerajaan dalam menangani masalah ekonomi dan yakin semangat tahun harimau membawa habuan lumayan kepada pemulihan ekonomi negara.

Katanya, sebagai wakil rakyat beliau sentiasa mengambil kesempatan menerangkan kepada orang ramai mengenai amalan berjimat cermat, menabung dan beli barangan tempatan.

"Ketika saya di Bagan Serai untuk menghadiri satu perkumpulan kecil, seorang wanita suri rumah yang bukan berpendidikan tinggi tiba-tiba bangun dan memberitahu bahawa beliau akan terus menyokong kerajaan.

"Katanya, pernah seorang kawan menasihatkannya supaya mengeluarkan wang daripada bank.

"Bagaimanapun, menurut wanita itu dia enggan dan tetap berkeras tidak mengeluarkan wang kerana yakin kepada usaha kerajaan, ekonomi negara akan pulih.

"Malah, wanita itu berkata dia akan terus mendengar nasihat pemimpin negara supaya menabung dan membeli barangan tempatan.

"Pengakuan wanita itu benar-benar menyentuh hati saya," katanya.

Mengenai kempen Pelaburan Ehsan Wanita, beliau berkata pihaknya masih menunggu maklumat terperinci sebelum menggerakkan wanita pada peringkat akar umbi menyertainya.

Pelaburan Ehsan Wanita dianjurkan oleh Wanita Barisan Nasional (BN), Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd dan Hijrah Asset Managers Bhd.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkannya pada 8 Februari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah, Ahad lalu dipetik sebagai berkata wanita yang ingin melabur dalam Pelaburan Ehsan Wanita boleh berbuat demikian mulai 8 Februari ini.

Katanya, 30 kaunter kutipan dibuka selepas 10 pagi pada hari itu di tingkat dua PWTC.

Bagaimanapun, kutipan hanya dalam bentuk wang tunai, bukan barangan kemas.

Dr Siti Zaharah berkata, sasaran awal kempen ialah pemimpin wanita BN dan diikuti oleh ahli peringkat akar umbi.

Beliau turut berkeyakinan kempen itu akan berjaya memandangkan wanita BN mempunyai keahlian kira-kira tiga juta orang di samping kerjasama daripada pertubuhan bukan kerajaan untuk menyebarkan mesej.

(END)

